



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

# *Anugerah Seri Angkasa 2022*



Tarikh Kemas Kini: 27 Julai 2022



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

---

<b>1. SYARAT-SYARAT PENCALONAN</b>	<b>3</b>
<b>2. SENARAI KATEGORI PENCALONAN</b>	<b>8</b>
<b>3. KRITERIA PENCALONAN KATEGORI TV</b>	
3.1 Drama	14
3.2 Bukan Drama (Rancangan)	17
3.3 Bukan Drama (Berita Ehwat Semasa)	21
3.4 Teknikal	24
<b>4. KRITERIA PENCALONAN KATEGORI RADIO</b>	
4.1 Drama	27
4.2 Bukan Drama (Rancangan)	29
4.3 Bukan Drama (Berita Ehwat Semasa)	32
4.4 Teknikal	34
<b>5. KRITERIA PENCALONAN KATEGORI MEDIA SOSIAL</b>	<b>36</b>

**SYARAT-SYARAT PENCALONAN  
ANUGERAH SERI ANGKASA 2022**

1. Pencalonan Anugerah Seri Angkasa 2022 adalah terbuka kepada:
  - i. rancangan TV dan radio terbitan tempatan yang disiarkan oleh **organisasi penyiaran kerajaan dan swasta melalui siaran terrestrial, satelit dan IPTV sahaja**; dan
  - ii. kandungan media sosial terbitan tempatan oleh organisasi penyiaran kerajaan dan swasta sahaja yang khusus disiarkan di platform Youtube rasmi sahaja (tidak disiarkan di saluran TV dan radio).
2. Pencalonan **HANYA** boleh dibuat oleh organisasi penyiaran **atas nama organisasi** masing-masing.
3. Pencalonan adalah terbuka kepada rancangan yang diterbitkan dalam bahasa Melayu, Inggeris, Tamil, Cina dan bahasa-bahasa etnik Sabah, Sarawak serta Orang Asli. Bagi rancangan yang diterbitkan dalam bahasa selain daripada bahasa Melayu dan Inggeris, wajib disertakan sekali dengan sarikata untuk terbitan TV dan teks terjemahan untuk terbitan radio (sarikata dan teks disediakan dalam bahasa Melayu atau Inggeris).
4. Rancangan yang dicalonkan mestilah pertama kali disiarkan di saluran TV, stesen radio atau akaun Youtube rasmi masing-masing dalam tempoh antara **1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021**.
5. Setiap saluran TV dibenarkan mengemukakan:
  - **lima (5) pencalonan sahaja** bagi setiap Kategori TV; dan
  - **dua (2) pencalonan sahaja** bagi setiap Kategori Media Sosial.
6. Setiap stesen radio dibenarkan mengemukakan:
  - **dua (2) pencalonan sahaja** bagi setiap Kategori Radio; dan
  - **dua (2) pencalonan sahaja** bagi setiap Kategori Media Sosial.
7. Bagi kategori rancangan bersiri (kecuali drama bersiri), hanya **satu (1) episod yang terbaik** perlu dicalonkan.

8. Bagi kategori rancangan drama bersiri, pencalonan perlu mengemukakan **tiga (3) episod** iaitu episod awal, pertengahan dan akhir.
9. Rancangan yang diterbitkan secara usaha sama dengan negara luar termasuk liputan, rancangan kerjasama dan rancangan format francais **TIDAK LAYAK** dicalonkan.
10. Semua organisasi penyiaran yang mengambil bahagian dalam anugerah ini perlu memberi kebenaran kepada stesen-stesen lain untuk menyiarkan sedutan audio/visual (bahan-bahan pencalonan) bagi tujuan promosi **tanpa sebarang caj tuntutan**.
11. Setiap organisasi yang mengemukakan pencalonan hendaklah memastikan bahan yang dihantar dalam keadaan baik dan **mengikut format yang ditetapkan sahaja**. Pihak Jawatankuasa Pencalonan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan pada bahan-bahan pencalonan dan bahan-bahan tersebut tidak akan dikembalikan.
12. **Borang pencalonan perlu dilengkapkan dan bahan-bahan pencalonan** perlu dimuat naik ke dalam Sistem Anugerah Seri Angkasa 2022, <https://asa.kkmm.gov.my> yang akan **dibuka mulai 1 hingga 31 Ogos 2022**. Sebarang pencalonan yang dihantar secara serahan tangan, melalui pos atau e-mel tidak akan diterima.
13. Tarikh tutup pencalonan adalah pada **31 Ogos 2022, pukul 11.59 malam**.
14. Satu borang pencalonan adalah untuk satu penyertaan (subkategori) sahaja. Rancangan/calon yang ingin dipertandingkan untuk lebih daripada satu penyertaan (subkategori), perlu mengemukakan pencalonan yang berasingan.
15. Borang pencalonan dan bahan-bahan pencalonan boleh dikemas kini dalam Sistem Anugerah Seri Angkasa 2022, <https://asa.kkmm.gov.my> sepanjang

tempoh pencalonan dibuka. Sebarang pindaan atau kemas kini selepas tempoh pencalonan ditutup adalah tidak dibenarkan.

16. Saringan kelayakan akan dibuat oleh Jawatankuasa Pencalonan Anugerah Seri Angkasa 2022 selepas tarikh tutup pencalonan dan keputusan sama ada penyertaan layak dipertandingkan atau ditolak akan dimaklumkan kepada peserta melalui notifikasi e-mel atau semakan melalui sistem dalam tempoh 14 hari bekerja selepas tarikh tutup pencalonan.

17. Setiap pencalonan bagi Kategori TV dan Kategori Media Sosial perlu menyertakan bahan-bahan pencalonan, seperti yang berikut:

- Sesalinan rancangan dalam format MOV atau MP4, HD 1280 x 720;
- Sesalinan skrip rancangan dalam format pdf;
- Promo atau klip video rancangan (tanpa watermark) maksimum 2 minit dalam format MOV atau MP4, HD 1920 x 1280;
- Gambar calon atau penerbit berukuran passport, latar belakang warna putih (format png atau jpeg);
- Logo atau poster rancangan (format png atau jpeg); dan
- Logo saluran TV atau stesen radio (format png atau jpeg).

18. Setiap pencalonan Kategori Radio perlu menyertakan bahan-bahan pencalonan, seperti yang berikut:

- Sesalinan rancangan dalam format .wav;
- Sesalinan skrip rancangan dalam format pdf;
- Promo/klip video rancangan (tanpa watermark) maksimum 2 minit dalam format .wav;
- Gambar calon ukuran pasport, latar belakang warna putih (format png atau jpeg);
- Logo atau poster rancangan (format png atau jpeg); dan
- Logo stesen radio (format png atau jpeg).

19. Calon-calon yang disenarai pendek (finalis) atau wakil **WAJIB** hadir ke Majlis Anugerah Seri Angkasa 2022 dan Malam Kemuncak Anugerah Seri Angkasa 2022.
20. Calon-calon yang mempunyai rekod jenayah, dadah dan berstatus bankrap akan **DITOLAK**.
21. Pencalonan yang tidak mematuhi syarat-syarat dan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan akan **DITOLAK**.
22. **KEPUTUSAN JURI ADALAH MUKTAMAD. SEBARANG BANTAHAN DALAM APA JUA BENTUK TIDAK AKAN DILAYAN.**
23. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

**Urus Setia Jawatankuasa Pencalonan Anugerah Seri Angkasa 2022**  
**Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
**No. Telefon : 03 – 8911 7927 / 7909**  
**E-mel : [pencalonanasa@kkmm.gov.my](mailto:pencalonanasa@kkmm.gov.my)**

# SENARAI KATEGORI PENCALONAN



## KATEGORI PENCALONAN ANUGERAH SERI ANGKASA 2022

### Kategori yang Dipertandingkan

Bil.	Pecahan Kategori	Bilangan
1.	Kategori TV	43
2.	Kategori Radio	22
3.	Kategori Media Sosial	5
	Jumlah	70

### Kategori Pilihan Juri

Bil.	Pecahan Kategori	Bilangan
1.	Anugerah Khas Juri	1
2.	Tokoh Seri Angkasa	1
	Jumlah	2

## **Kategori TV**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Anugerah</b>	<b>Kod</b>	<b>Catatan</b>
1.	Drama TV Terbaik	ATV01	Drama
2.	Drama Bersiri TV Terbaik	ATV02	
3.	Pengarah Drama TV Terbaik	ATV03	
4.	Skrip Drama TV Terbaik	ATV04	
5.	Pelakon Lelaki Drama TV Terbaik	ATV05	
6.	Pelakon Wanita Drama TV Terbaik	ATV06	
7.	Pelakon Pembantu Lelaki Drama TV Terbaik	ATV07	
8.	Pelakon Pembantu Wanita Drama TV Terbaik	ATV08	
9.	Pelakon Kanak -Kanak TV Terbaik	ATV09	
10.	Pelakon Komedi TV Terbaik	ATV10	
11.	Dokumentari TV Terbaik	ATV11	Bukan Drama (Rancangan)
12.	Majalah TV Terbaik	ATV12	
13.	Bicarawara TV Terbaik	ATV13	
14.	Hiburan Muzikal TV Terbaik	ATV14	
15.	Komedi TV Terbaik	ATV15	
16.	Rancangan Agama TV Terbaik	ATV16	
17.	Rancangan Sukan TV Terbaik	ATV17	
18.	Liputan Sukan TV Terbaik	ATV18	
19.	Rancangan Kanak - kanak TV Terbaik	ATV19	
20.	Animasi Tempatan TV Terbaik	ATV20	
21.	Candawara (Gameshow) TV Terbaik	ATV21	
22.	Rancangan Realiti TV Terbaik	ATV22	
23.	Promo TV Terbaik	ATV23	
24.	PSA & Kapsul TV Terbaik	ATV24	
25.	Montaj TV Terbaik	ATV25	
26.	Pengacara TV Terbaik	ATV26	
27.	Pengulas TV Terbaik	ATV27	

28.	Buletin TV Terbaik	ATV28	Bukan Drama (Berita Ehwat Semasa)
29.	Liputan Berita TV Terbaik	ATV29	
30.	Laporan Khas Berita TV Terbaik	ATV30	
31.	Liputan Khas Siaran Langsung Terbaik	ATV31	
32.	Penyampai Berita TV Terbaik	ATV32	
33.	Wartawan TV Terbaik	ATV33	
34.	Jurukamera TV MCP Terbaik	ATV34	Teknikal
35.	Jurukamera TV SCP Terbaik	ATV35	
36.	Suntingan Rancangan TV Terbaik	ATV36	
37.	Penataan Cahaya TV Terbaik	ATV37	
38.	Audio Rancangan TV Terbaik	ATV38	
39.	Pengimbangan Muzik TV Terbaik	ATV39	
40.	Set TV Terbaik	ATV40	
41.	Tatarias TV Terbaik	ATV41	
42.	Grafik TV Terbaik	ATV42	
43.	Kesan Khas TV Terbaik	ATV43	

## Kategori Radio

Bil.	Nama Anugerah	Kod	Catatan
1.	Drama Radio Terbaik	AR01	Drama
2.	Skrip Drama Radio Terbaik	AR02	
3.	Pelakon Lelaki Drama Radio Terbaik	AR03	
4.	Pelakon Wanita Drama Radio Terbaik	AR04	
5.	Pelakon Pembantu Lelaki Drama Radio Terbaik	AR05	
6.	Pelakon Pembantu Wanita Drama Radio Terbaik	AR06	
7.	Majalah Radio Terbaik	AR07	Bukan Drama (Rancangan)
8.	Dokumentari Radio Terbaik	AR08	
9.	Bicarawara Radio Terbaik	AR09	
10.	Hiburan Radio Terbaik	AR10	
11.	Rancangan Interaktif Radio Terbaik	AR11	
12.	Rancangan Agama Radio Terbaik	AR12	
13.	PSA & Kapsul Radio Terbaik	AR13	
14.	Promo Radio Terbaik	AR14	
15.	Penyampai Radio Lelaki Terbaik	AR15	
16.	Penyampai Radio Wanita Terbaik	AR16	
17.	Pengulas Radio Terbaik	AR17	
18.	Penyampai Berita Radio Terbaik	AR18	Bukan Drama (Berita Ehwat Semasa)
19.	Buletin Radio Terbaik	AR19	
20.	Liputan Berita Radio Terbaik	AR20	
21.	Pengimbangan Audio Radio (Studio) Terbaik	AR21	Teknikal
22.	Pengimbangan Audio Radio (Lokasi) Terbaik	AR22	

## **Kategori Media Sosial**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Anugerah</b>	<b>Kod</b>	<b>Catatan</b>
1.	Drama Pendek Menerusi YouTube Rasmi Terbaik	MS01	
2.	Sketsa Pendek Menerusi YouTube Rasmi Terbaik	MS02	
3.	Video Klip Hiburan Menerusi YouTube Rasmi Terbaik	MS03	
4.	Pesanan Khidmat Masyarakat Menerusi YouTube Rasmi Terbaik	MS04	
5.	Drama Bersiri Menerusi YouTube Rasmi Terbaik	MS05	

## **KATEGORI TV: DRAMA**

### **1. ATV01 - DRAMA TV TERBAIK**

- Rancangan drama memaparkan tema, mesej dan pengolahan cerita yang bersesuaian dengan nilai , adat dan budaya Malaysia.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

### **2. ATV02 - DRAMA TV BERSIRI TERBAIK**

- Rancangan drama memaparkan tema, mesej dan pengolahan cerita yang bersesuaian dengan nilai , adat dan budaya Malaysia.
- Perlu mengemukakan tiga (3) episod iaitu episod awal, pertengahan dan akhir.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit untuk satu episod.

### **3. ATV03 - PENGARAH DRAMA TV TERBAIK**

- Pengarahan rancangan drama dari aspek penghayatan cerita, pentafsiran skrip, pengawalan dalam aspek lakonan, kerja kamera, pencahayaan, pemilihan muzik, kesan bunyi, pemilihan *setting* dan *props*, pakaian, solekan, ketelitian, kreativiti dan nilai estetika.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

### **4. ATV04 - SKRIP DRAMA TV TERBAIK**

- Skrip drama atau drama bersiri yang merangkumi aspek penceritaan, perkembangan perwatakan, perkembangan plot, konflik, mesej, penyelesaian, kekuatan dialog, unsur-unsur didaktik, kreativiti dan nilai estetika.
- Durasi bahan-bahan pencalonan (rancangan) maksimum 120 minit dan skrip dalam format pdf.

### **5. ATV05 - PELAKON DRAMA LELAKI TV TERBAIK**

- Keupayaan pelakon menterjemah skrip dan karektor watak merangkumi aspek konsistensi penghayatan dan pembawaan karektor watak yang dilakukan menerusi lontaran dialog, bahasa badan serta ekspresi *mood* dalam lakonannya.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

## **6. ATV06 - PELAKON DRAMA WANITA TV TERBAIK**

- Keupayaan pelakon menterjemah skrip dan karektor watak merangkumi aspek konsistensi penghayatan dan pembawaan karektor watak yang dilakukan menerusi lontaran dialog, bahasa badan serta ekspresi *mood* dalam lakonannya.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

## **7. ATV07 - PELAKON PEMBANTU LELAKI DRAMA TV TERBAIK**

- Keupayaan pelakon pembantu menterjemah skrip dan karektor watak merangkumi aspek konsistensi penghayatan dan pembawaan karektor watak yang dilakukan menerusi lontaran dialog, bahasa badan serta ekspresi *mood* dalam lakonannya.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

## **8. ATV08 - PELAKON PEMBANTU WANITA DRAMA TV TERBAIK**

- Keupayaan pelakon pembantu menterjemah skrip dan karektor watak merangkumi aspek konsistensi penghayatan dan pembawaan karektor watak yang dilakukan menerusi lontaran dialog, bahasa badan serta ekspresi *mood* dalam lakonannya.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

## **9. ATV09 – PELAKON KANAK-KANAK DRAMA TV TERBAIK**

- Keupayaan pelakon kanak-kanak menterjemah skrip dan karektor watak merangkumi aspek konsistensi penghayatan dan pembawaan karektor watak yang dilakukan menerusi lontaran dialog, bahasa badan serta ekspresi *mood* dalam lakonannya.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

## **10. ATV10 - KOMEDI TV TERBAIK**

- Pelakon yang kreatif dan memberi lakonan komedi yang melucukan serta dapat memikat dan menghiburkan penonton.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.



**KATEGORI TV:  
BUKAN DRAMA (RANCANGAN)**

### **11. ATV11 - DOKUMENTARI TV TERBAIK**

- Rancangan dokumentari yang memaparkan isu atau topik yang relevan kepada masyarakat. Mempunyai analisa dan penyelidikan mendalam tentang topik dan kaitan dengan politik, ekonomi dan sosial dalam masyarakat.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

### **12. ATV12 - MAJALAH TV TERBAIK**

- Rancangan majalah yang memaparkan topik-topik semasa yang menjadi perhatian masyarakat.
- Maklumat yang disampaikan adalah lebih santai di samping kajian ringkas berkaitan topik yang disampaikan.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

### **13. ATV13 – BICARAWARA TV TERBAIK**

- Rancangan bicarawara yang mempunyai elemen interaktif antara hos, tetamu dan penonton serta persembahan menarik & kreatif.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

### **14. ATV14 – HIBURAN MUZIKAL TV TERBAIK**

- Semua format rancangan muzikal hiburan termasuk konsert, pertandingan nyanyian/bakat, persembahan muzik dan rancangan khas berbentuk hiburan.
- Durasi rancangan maksimum 180 minit.

### **15. ATV15 - KOMEDI TV TERBAIK**

- Penerbitan komedi merangkumi aspek penerbitan, pengarahannya, lakonan, penceritaan, perkembangan plot perwatakan, *punch lines*, kreativiti, mesej dan nilai estetika.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

### **16. ATV16 – RANCANGAN AGAMA TV TERBAIK**

- Penerbitan rancangan agama yang menarik melibatkan aspek penyelidikan, isi kandungan, penggambaran, pencahayaan, grafik, kerja kamera dan audio.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

### **17. ATV17 - RANCANGAN SUKAN TV TERBAIK**

- Penerbitan rancangan sukan yang kreatif dan menarik melibatkan penerbitan secara siaran langsung atau rakaman. Memaparkan keterampilan pengulas dan tetamu.
- Durasi rancangan antara 30 hingga 120 minit.

### **18. ATV18 - LIPUTAN SUKAN TV TERBAIK**

- Penerbitan rancangan sukan yang kreatif dan menarik melibatkan penerbitan secara siaran langsung. Memaparkan keterampilan pengulas dan tetamu.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

### **19. ATV19 - RANCANGAN KANAK-KANAK TV TERBAIK**

- Penerbitan rancangan kanak-kanak yang menarik melibatkan aspek penyelidikan, isi kandungan, penggambaran, pencahayaan, grafik, kerja kamera dan audio.
- Durasi rancangan maksimum 90 minit.

### **20. ATV20 - ANIMASI TEMPATAN TV TERBAIK**

- Penerbitan rancangan animasi tempatan yang mempunyai keunikan/keaslian, kualiti profesional kualiti estetik, konsep, pemilihan dan penggunaan bahan serta tahap kerumitan.

### **21. ATV21 - CANDAWARA (GAMESHOW) TV TERBAIK**

- Rancangan berbentuk adu bakat, kuiz dan permainan termasuk *phone-in*/interaktif yang disertai peserta di studio atau lokasi.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

### **22. ATV22 - RANCANGAN REALITI TV TERBAIK**

- Persembahan dan penerbitan rancangan yang kreatif dan menarik serta memaparkan situasi sebenar dari orang ramai, artis atau selebriti yang berlaku secara spontan dan bukan direka serta penerbitan secara siaran langsung.
- Durasi rancangan antara 60 - 120 minit.

### **23. ATV23 - PROMO TV TERBAIK**

- Promo yang mempunyai ciri-ciri kreativiti tinggi dengan mesej berkesan.
- Durasi promo maksimum 2 minit

### **24. ATV24 - PSA & KAPSUL TV TERBAIK**

- Teknik penyuntingan bahan berdurasi tidak melebihi 7 minit yang dihasilkan untuk mempromosikan sesuatu kempen.

### **25. ATV25 - MONTAJ TV TERBAIK**

- Montaj yang mempunyai ciri-ciri kreativiti tinggi yang menepati konsep rancangan.
- Durasi montaj antara 30 hingga 150 saat (0.5 hingga 2.5 minit)

### **26. ATV26 - PENGACARA TV TERBAIK**

- Pengacara yang mempunyai daya fikir yang kritis, berpengetahuan luas dan mempunyai penampilan menarik serta berkebolehan dalam berinteraksi dan berkomunikasi.
- Mempunyai kepelbagaian teknik persembahan mengikut situasi.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

### **27. ATV27 - PENGULAS TV TERBAIK**

- Pengulas yang versatil, berpengetahuan luas dan memiliki suara yang bertenaga.
- Gaya persembahan menarik dan lancar.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

**KATEGORI TV:  
BUKAN DRAMA (BERITA EHWAL SEMASA)**

## **28. ATV28 - BULETIN TV TERBAIK**

- Rancangan berita yang menampilkan rekaan tajuk utama yang menarik dan kandungan yang menyokong kekuatan berita.
- Disiarkan dalam slot siaran berita sepanjang tempoh tahun dinilai.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

## **29. ATV29 - LIPUTAN BERITA TV TERBAIK**

- Liputan berita secara lintas langsung yang padat dengan informasi serta mempunyai gaya penulisan teks dan bahasa yang mantap dan diperkukuhkan lagi dengan keterampilan persembahan pengacara yang meyakinkan serta dibantu elemen visual penerbitan yang kreatif dan versatile.
- Durasi liputan maksimum 10 minit.

## **30. ATV30 - LAPORAN KHAS BERITA TV TERBAIK**

- Laporan khas berita yang menarik perhatian umum topik dan isu merangkumi berita dalam dan luar negara yang merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik. Kandungan berita yang berinformasi, menarik, eksklusif dengan gaya penulisan teks kreatif dan mengandungi elemen penyelidikan yang mantap.
- Durasi laporan maksimum 30 minit.

## **31. ATV31 - LIPUTAN KHAS SIARAN LANGSUNG TV TERBAIK**

- Liputan khas secara langsung yang menarik perhatian umum sepanjang tempoh dinilai.
- Durasi liputan maksimum 60 minit

## **32. ATV32– PENYAMPAI BERITA TV TERBAIK**

- Penyampai yang mempunyai daya tarikan dalam penyampaian berita melalui penampilan, suara, sebutan dan intonasi yang jelas dan meyakinkan. Mempunyai keterampilan dan karismatik.
- Durasi bahan pencalonan maksimum 60 minit.

### **33. ATV33 – WARTAWAN TV TERBAIK**

- Wartawan yang menghasilkan laporan berita yang kreatif dari aspek penyelidikan, penulisan dan pengolahan berita. Penyampaian yang mempunyai gaya persembahan, kelancaran dalam membuat laporan serta penguasaan bahasa yang baik.
- Calon perlu menghantar satu laporan lengkap yang dibuat oleh wartawan tersebut.
- Durasi bahan pencalonan maksimum 30 minit.

**KATEGORI TV:  
TEKNIKAL**



#### **34. ATV34 - JURUKAMERA TV MCP TERBAIK**

- Jurukamera TV MCP yang menunjukkan kemahiran bekerja secara berkumpulan dari segi operasi penerbitan, teknik penerbitan yang kreatif mengikut kehendak produksi.
- Durasi bahan pencalonan maksimum 120 minit.

#### **35. ATV35 - JURUKAMERA TV SCP TERBAIK**

- Jurukamera SCP yang menunjukkan kemahiran dari segi operasi kamera tunggal, teknik penggambaran yang kreatif mengikut kehendak penerbitan.
- Kategori ini merujuk kepada satu segmen dalam rancangan atau rancangan penuh.
- Durasi rancangan maksimum 120 minit.

#### **36. ATV36 - SUNTINGAN RANCANGAN TV TERBAIK**

- Kerja suntingan yang memenuhi kehendak rancangan merangkumi aspek kesinambungan, pengadunan visual dan audio yang kemas dan kreatif.
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

#### **37. ATV37- PENATAAN CAHAYA TV TERBAIK**

- Penataan cahaya bagi penerbitan rancangan berbentuk hiburan, konsert, game/kuiz sama ada secara langsung atau rakaman yang menepati konsep dan format rancangan hiburan tersebut.
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

#### **38. ATV38 - AUDIO RANCANGAN TV TERBAIK**

- Audio rancangan TV yang jelas, berkualiti, mempunyai kreativiti dalam penggunaan kesan bunyi,imbangan audio yang baik, meningkatkan kualiti rancangan dan memberi impak kepada penonton.
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

### **39. ATV38 - PENGIMBANGAN MUZIK TV TERBAIK**

- Pengimbangan muzik bagi penerbitan rancangan berbentuk hiburan dan konsert sama ada secara langsung atau rakaman. Pengimbangan yang menepati konsep dan format rancangan hiburan tersebut merangkumi aspek kejelasan, kesan bunyi dan dinamik audio.
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

### **40. ATV40 - SET TV TERBAIK**

- Rekaan set yang mengikut konsep sesebuah rancangan/penerbitan merangkumi kreativiti, skema warna dan keaslian sesuatu rekaan set.
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

### **41. ATV41 - TATARIAS TV TERBAIK**

- Hasil kerja solekan dan pakaian yang memenuhi kehendak rancangan dari aspek masa/zaman, watak, kesan khas dan tema rancangan. Kepekaan terhadap penyesuaian solekan dan pakaian berdasarkan latar belakang (set atau lokasi), pencahayaan dan sudut kamera (*camera angle*).
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

### **42. ATV42 - GRAFIK TV TERBAIK**

- Rekaan grafik direka bersesuaian dengan konsep rancangan dan memberikan impak kepada rancangan. Menggabungkan kemahiran rekaan grafik bagi menterjemahkan visual. Rekaan grafik menepati nilai estetika dan kehendak rancangan.
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

### **43. ATV43 - KESAN KHAS TV TERBAIK**

- Kesan khas direka bersesuaian dengan konsep rancangan dan memberikan impak kepada rancangan. Menggabungkan kemahiran menghasilkan kesan khas bagi menterjemahkan visual. Kesan khas menepati nilai estetika dan kehendak rancangan.
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

## **KATEGORI RADIO: DRAMA**

## **1. AR01 - DRAMA RADIO TERBAIK**

- Drama radio yang memaparkan tema, mesej dan pengolahan cerita yang bersesuaian dengan nilai, adat dan budaya Malaysia.
- Durasi rancangan maksimum 30 minit.

## **2. AR02 - SKRIP DRAMA RADIO TERBAIK**

- Skrip drama radio atau drama bersiri yang merangkumi aspek penceritaan, perkembangan perwatakan, perkembangan plot, konflik, mesej, penyelesaian, kekuatan dialog, unsur-unsur didaktik, kreativiti dan nilai estetika.
- Durasi bahan pencalonan (rakaman drama) maksimum 30 minit dan skrip dalam format pdf.

## **3. AR03 – PELAKON LELAKI DRAMA RADIO TERBAIK**

- Pelakon lelaki drama radio yang mempunyai kemampuan menghayati skrip, menghayati watak dan mampu menghidupkan cerita.
- Durasi bahan pencalonan maksimum 30 minit

## **4. AR04 - PELAKON WANITA DRAMA RADIO TERBAIK**

- Pelakon wanita drama radio yang mempunyai kemampuan menghayati skrip, menghayati watak dan mampu menghidupkan cerita.
- Durasi bahan pencalonan maksimum 30 minit

## **5. AR05 – PELAKON PEMBANTU LELAKI DRAMA RADIO TERBAIK**

- Pelakon pembantu lelaki drama radio yang mempunyai kemampuan menghayati skrip, menghayati watak dan mampu menghidupkan cerita.
- Durasi bahan pencalonan maksimum 30 minit

## **6. AR06 - PELAKON PEMBANTU WANITA DRAMA RADIO TERBAIK**

- Pelakon pembantu wanita drama radio yang mempunyai kemampuan menghayati skrip, menghayati watak dan mampu menghidupkan cerita.
- Durasi bahan pencalonan maksimum 30 minit

**KATEGORI RADIO:  
BUKAN DRAMA (RANCANGAN)**

## **7. AR07 - MAJALAH RADIO TERBAIK**

- Rancangan majalah radio yang mempunyai kepelbagaian segmen, bahan cerita, penyelidikan, penyampaian yang menarik serta kreatif dan relevan kepada masyarakat.
- Durasi rancangan maksimum 30 minit.

## **8. AR08 – DOKUMENTARI RADIO TERBAIK**

- Dokumentari yang memaparkan topik yang relevan dengan aspek penyelidikan dan skrip yang mantap serta berupaya menampilkan kekuatan topik.
- Durasi rancangan maksimum 30 minit.

## **9. AR09 –BICARAWARA RADIO TERBAIK**

- Rancangan bicarawara radio yang mempunyai pemilihan topik yang relevan dengan isu-isu semasa, elemen interaktif antara hos, tetamu dan pendengar serta persembahan menarik dan kreatif.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

## **10.AR10 - RANCANGAN HIBURAN RADIO TERBAIK**

- Semua jenis rancangan berbentuk hiburan kecuali penerbitan yang disiarkan melalui siaran TV tidak layak untuk dicalonkan.
- Jangka masa tidak melebihi 60 minit.

## **11.AR11 - RANCANGAN INTERAKTIF RADIO TERBAIK**

- Rancangan interaktif radio yang mempunyai elemen interaktif antara penyampai dan pendengar dengan penyampaian yang menarik dan kreatif.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

## **12.AR12 – RANCANGAN AGAMA RADIO TERBAIK**

- Rancangan agama radio yang mempunyai keaslian, berteraskan konsep keagamaan serta kreatif dan relevan kepada masyarakat.
- Durasi rancangan maksimum 30 minit.

### **13.AR13 – PSA & KAPSUL RADIO TERBAIK**

- PSA dan kapsul radio yang bercirikan pemilihan topik dan isu yang sesuai, kreativiti penyampaian serta pemilihan elemen muzik dan kesan bunyi untuk menambah baik persembahan.
- Durasi PSA dan kapsul maksimum 3 minit.

### **14.AR14 – PROMO (JINGLE/TEASER/SKETSA) RADIO TERBAIK**

- Promo radio sama ada jingle, teaser dan sketsa yang mempunyai ciri-ciri kreativiti yang tinggi, berkesan dan dapat memikat hati pendengar.
- Durasi promo maksimum 3 minit.

### **15.AR15 - PENYAMPAI RADIO LELAKI TERBAIK**

- DJ Radio lelaki yang berketerampilan dan kreatif mengendalikan siaran.
- Gaya penyampaian dan persembahan yang menarik.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

### **16.AR16 - PENYAMPAI RADIO WANITA TERBAIK**

- DJ Radio wanita yang berketerampilan dan kreatif mengendalikan siaran.
- Gaya penyampaian dan persembahan yang menarik.
- Durasi rancangan maksimum 60 minit.

### **17.AR17 - PENGULAS RADIO TERBAIK**

- Pengulas radio yang mempunyai gaya persembahan dan ulasan yang mantap dan kreatif di samping kandungan yang tepat dan padat.
- Durasi rancangan maksimum 10 minit.

**KATEGORI RADIO:  
BUKAN DRAMA (BERITA EHWAL SEMASA)**



### **18.AR18 - PENYAMPAI BERITA RADIO TERBAIK**

- Penyampai berita radio yang mempunyai gaya penyampaian (suara, intonasi, sebutan dan kelancaran) yang mantap dan kreatif.
- Aspek suara (jelas, autoritatif dan meyakinkan)
- Durasi rancangan maksimum 15 minit.

### **19.AR19 – BULETIN RADIO TERBAIK**

- Buletin berita radio yang mempunyai tajuk utama yang menarik, kandungan yang padat, pelbagai dan tersusun.
- Penyampaian dan olahan yang kreatif menggunakan laporan wartawan di lokasi serta menggunakan bahan sisipan dan aktualiti.
- Durasi rancangan maksimum 15 minit.

### **20.AR20 - LIPUTAN BERITA RADIO TERBAIK**

- Liputan berita radio yang merangkumi bahan liputan yang menarik perhatian umum, pengolahan dan penyampaian yang baik,
- Durasi rancangan maksimum 3 minit.

**KATEGORI RADIO:  
TEKNIKAL**

## **21.AR21 – PENGIMBANGAN AUDIO RADIO (STUDIO) TERBAIK**

- Audio rancangan radio secara langsung atau rakaman di studio yang jelas, berkualiti, mempunyai kreativiti dalam penggunaan kesan bunyi, imbangan audio yang baik, meningkatkan kualiti rancangan dan memberi impak kepada pendengar.
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

## **22.AR22 - PENGIMBANGAN AUDIO RADIO (LOKASI) TERBAIK**

- Audio rancangan radio secara langsung atau rakaman dari lokasi yang jelas, berkualiti, mempunyai kreativiti dalam penggunaan kesan bunyi, imbangan audio yang baik, meningkatkan kualiti rancangan dan memberi impak kepada pendengar.
- Durasi bahan pencalonan bergantung kepada rancangan yang dicalonkan.

## **KATEGORI MEDIA SOSIAL**

### **1. MS01 - Drama Pendek Menerusi YouTube Rasmi Terbaik**

- Drama yang memaparkan tema, mesej dan pengolahan cerita yang bersesuaian dengan nilai, adat dan budaya Malaysia.
- Durasi rancangan maksimum 15 minit.

### **2. MS02 - Sketsa Pendek Menerusi YouTube Rasmi Terbaik**

- Lakonan pendek yang menghiburkan hati dengan paparan tema, mesej, kreativiti dan pengolahan cerita yang bersesuaian dengan nilai, adat dan budaya Malaysia.
- Durasi rancangan maksimum 5 minit.

### **3. MS03 - Video Klip Hiburan Menerusi YouTube Rasmi Terbaik**

- Video klip hiburan dengan pelbagai penyuntingan audio dan video serta kesan visual
- Durasi rancangan maksimum 5 minit

### **4. MS04 - Pesanan Khidmat Masyarakat Menerusi YouTube Rasmi Terbaik**

- Mesej ringkas yang dihasilkan untuk mempromosikan sesuatu kempen dengan teknik penyuntingan yang kreatif.
- Durasi bahan maksimum 2 minit

### **5. MS05 - Drama Bersiri Menerusi YouTube Rasmi Terbaik**

- Rancangan drama memaparkan tema, mesej dan pengolahan cerita yang bersesuaian dengan nilai, adat dan budaya Malaysia.
- Durasi rancangan maksimum 15 minit untuk satu episod.
- Perlu mengemukakan tiga (3) episod iaitu episod awal, pertengahan dan akhir.